

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 19 JULAI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1142-L3606
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bidang kuasa JAKIM di dalam menguatkuasakan undang-undang di semua pusat hiburan yang didapati menerima kunjungan orang Islam terutamanya golongan remaja dan nyatakan apakah masalah yang dihadapi.
2. PN-1142-L3619
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sehingga kini berapa ramai doktor pakar dari negara luar masih digunakan di hospital Kerajaan. Nyatakan bilangan mengikut negara dan apakah rasionalnya kita masih memerlukan perkhidmatan dari mereka.
3. PN-1142-L3301
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kadar perahan (OER) minyak sawit mengikut negeri-negeri pada tahun 2004, 2005, 2006.
4. PN-1142-L3201
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah pengguna yang menggunakan perkhidmatan rel, iaitu LRT, Monorel dan ERL bagi tahun 2005 dan 2006.
5. PN-1142-L3089
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar walaupun beratus-ratus juta ringgit dibelanjakan dalam projek pembangunan ICT Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaras dengan hasrat PDRM yang mahu mempertingkatkan sistem perkhidmatan kepada orang ramai tetapi kes-kes tertentu seperti kematian hanya dapat dilaporkan di balai-balai tertentu sahaja yang seringkali menyusahkan rakyat setempat.

6. PN-1142-L3641
Tuan Ahmad Bin Husin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan perkembangan terkini tentang penubuhan Mahkamah Harta Intelek di negara ini.
7. PN-1142-L3464
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Proton tidak memperbanyakkan model kereta yang dikeluarkan kerana apa yang dapat dilihat Proton hanya bergantung pada model yang sedia ada sahaja, tiada model baru yang boleh menarik minat pembeli. Apa akan terjadi kepada Proton jika ia terus mengalami kerugian dari tahun ke tahun.
8. PN-1142-L3236
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengharamkan import tembakau dan rokok sebagai menyokong Kempen Tak Nak merokok.
9. PN-1142-L3062
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berdasarkan kepada laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Persatuan Peladang Kebangsaan (PPK), mengapakah kadar keuntungan saham PPK tidak bertambah walaupun aliran modal dan harta meningkat kerana untung bersih adalah dalam kadar RM 2-3 juta sejak 25 tahun lepas. Apakah faktor penolak dan penggalak keuntungan dan perniagaan PPK dalam tempoh tersebut.
10. PN-1142-L3181
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak lama lagi boleh mengeluarkan sebahagian simpanan dalam Akaun 2 untuk membeli polisi insurans penyakit kronik. Kenapakah tidak dilaksanakan secara autodebit dari akaun pencarum di mana ia lebih mudah dan tidak melibatkan terlalu banyak proses.
11. PN-1142-L3558
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah rasionalnya Kementerian mengarahkan sekolah untuk memberi RMT pada waktu pagi sedangkan pelajar-pelajar lebih sesuai mengambil makanan RMT ketika waktu rehat iaitu pukul 10.30 pagi. Ini memandangkan ada pelajar yang kurang selesa dan boleh menyebabkan mereka muntah.
12. PN-1142-L2990
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai hasrat dan komited di dalam usaha bagi membangunkan industri pertanian negeri Sarawak terutama sekali di dalam usaha membangunkan industri 'halal', yang nampaknya masih lagi belum bertapak di Sarawak.

13. PN-1142-L3389
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tujuan serta hasrat Kerajaan menubuhkan syarikat-syarikat GLC di negara ini.
14. PN-1142-L3512
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penilaian prestasi pekerja perkhidmatan awam yang diamalkan sekarang yang terbaik jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain.
15. PN-1142-L3401
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah peranan Kementerian bagi memastikan produk-produk FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) dapat dipasarkan di setiap agensi-agensi Kerajaan serta badan berkanun dan ke negara-negara OIC.
16. PN-1142-L3378
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian telah merancang secara komprehensif dan berterusan bagi melaksanakan program pendidikan dan amalan baik yang perlu diamalkan bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar di kalangan kanak-kanak atau generasi pewaris. Jika ada, apakah bentuk-bentuk program secara komprehensif yang telah dirancang.
17. PN-1142-L3635
Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk menjadikan buku-buku teks peringkat rendah dan menengah dalam bentuk CD bagi meringankan beban murid-murid membawa buku teks yang banyak dan berat.
18. PN-1142-L3470
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang perkembangan sektor pembinaan yang sedang berkembang dengan pesatnya namun begitu masih ada juga kontraktor-kontraktor yang masih tidak dapat mengendalikan kontrak-kontrak pembinaan negara kerana harga kos pembinaan yang juga naik sehinggakan kontraktor ini terpaksa memulangkan semula kontraknya kepada Kerajaan.
19. PN-1142-L3016
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha untuk mengadakan kemudahan pusat dialisis, tempat bersalin dan mengatasi masalah kekurangan ambulans di semua klinik-klinik kesihatan di luar bandar.

20. PN-1142-L3240
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak penjara mengasingkan banduan-banduan 'hard-core' dari banduan-banduan jenayah kolar putih atau mereka yang dihukum untuk kesalahan kecil termasuk kesalahan trafik.
21. PN-1142-L3115
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pendapat dan perancangan Kementerian berhubung Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dalam keadaan petani kita masih memerlukan subsidi Kerajaan untuk hidup dan memajukan bidang pertanian.
22. PN-1142-L3030
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bercadang mewujudkan "rumah transit" untuk warga tua bagi membolehkan anak-anak yang bekerja menghantar ibu bapa mereka melakukan aktiviti bersama rakan sebaya ketika waktu bekerja/pejabat.
23. PN-1142-L3126
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pengedaran dadah di penempatan pendatang asing terutamanya di kawasan setinggan Bukit Malut, Langkawi yang dikatakan sebagai pintu masuk bagi aktiviti pengedaran tersebut.
24. PN-1142-L3200
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam Program Rakan Muda Fasa II untuk menarik minat penyertaan belia-belia kaum Cina dan India demi memupuk integrasi nasional di kalangan pemuda-pemudi di negara kita memandangkan Program itu kini kurang mendapat sambutan daripada belia-belia Cina dan India.
25. PN-1142-L3178
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada ayam, burung dan unggas peliharaan dimestikan mendaftar dan mendapat suntikan untuk mengelakkan daripada dihinggapai penyakit selesema burung. Apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang menternak ayam dan itik secara kecil-kecilan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa mengenai unggas peliharaan yang mati akibat penyakit.

26. PN-1142-L2981
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendirian Kementerian atas kenyataan Menteri dalam temu ramah surat khabar Sin Chew Daily pada 2hb Mac 2007 yang mengatakan kepelbagaian jenis persekolahan di Malaysia adalah satu aset dan "Ultimate Objective" yang memerlukan semua pelajar diletak di satu bumbung sekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sudah tidak sesuai lagi untuk masa kini, yang mana keadaan dan cabaran terbaru dalam globalisasi telah berubah.
27. PN-1142-L3224
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah kadar kehadiran pelancong turut terjejas dan apakah reaksi pelancongan asing mengenai banjir di ibu negara.
28. PN-1142-L2947
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah TV Guru akan menjadi kenyataan dan adakah TV Guru ini dikendalikan oleh guru di bawah yayasannya, atau Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP).
29. PN-1142-L3336
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilangan pegawai Wisma Putra yang telah bersara tetapi masih berkhidmat secara kontrak dan apakah jawatan yang disandang.
30. PN-1142-L3095
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah rendah Tamil yang mempunyai prasekolah di Semenanjung Malaysia.
31. PN-1142-L3212
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan hasil keputusan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dengan Amerika Syarikat.
32. PN-1142-L3355
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak kementerian bercadang menyeragamkan garis panduan pemeliharaan burung Walit di seluruh negara.
33. PN-1142-L3504
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah majikan yang dikenakan tindakan akibat gagal membuat caruman PERKESO pekerja masing-masing pada tahun 2005, 2006 dan enam bulan pertama tahun 2007.

34. PN-1142-L3446
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan penglibatan negara dalam sektor-sektor berteknologi tinggi, terutamanya ICT dan bioteknologi.
35. PN-1142-L3364
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian telah membuat kajian mengenai keberkesanan kepenggunaan tenaga "Solar Hybrid System 24 jam", contohnya dari Negara China, Jepun dan sebagainya serta bolehkah dapatan kajian diaplikasikan dan diperluaskan penggunaan tenaga di kawasan-kawasan pedalaman di negara kita.
36. PN-1142-L3473
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jika kita melihat bahawa pengangguran di kalangan graduan lepasan IPT membimbangkan pelbagai pihak, dan merugikan negara kerana ilmu yang tidak dimanfaatkan. Apakah usaha Kementerian untuk mencari alternatif supaya masalah ini tidak akan lebih membebankan negara.
37. PN-1142-L3416
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah kementerian akan memberikan kebenaran pembakaran mercun dan bunga api (fire crackers) yang tidak merbahaya pada masa-masa perayaan tertentu seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina.
38. PN-1142-L3166
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemalangan melibatkan penunggang motosikal telah lama diperdebatkan, adakah Kementerian bercadang menyediakan laluan khas untuk mereka khususnya di jalan-jalan persekutuan di negara ini.
39. PN-1142-L3546
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan 'soft loans' telah diberikan kepada wanita terutamanya ibu tunggal untuk menolong mereka memulakan perniagaan untuk menampung diri sendiri dalam hal kewangan. Berapa ramai wanita yang telah diberi pinjaman ini dan berapa ramai yang berjaya dalam perniagaan dan jumlah yang gagal menjelaskan bayaran balik pinjaman ini.
40. PN-1142-L3412
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapakah tidak dibuat satu pelan atau perancangan yang menyeluruh untuk mengatasi masalah banjir di seluruh negara terutamanya di ibu kota yang sekarang amat kerap dilanda banjir.

41. PN-1142-L3326
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan Kerajaan untuk meneruskan undian pos kepada anggota tentera dan polis walaupun mereka berada di kem dan balai polis di dalam bandar.
42. PN-1142-L3296
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang model yang dikeluarkan Proton kurang berdaya saing sama ada dari aspek reka bentuk jikalau dibandingkan dengan syarikat pengeluar kereta yang lain yang mungkin menjadi satu faktor kurangnya permintaan di pasaran yang menyebabkan kerugian Proton. Apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini.
43. PN-1142-L3328
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai projek-projek pembangunan koridor yang dicadangkan di Wilayah-wilayah tertentu di negara ini. Apakah pihak Kerajaan lebih memberi fokus terhadap pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar di Johor daripada pembangunan koridor-koridor yang lain.
44. PN-1142-L3431
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah sekolah-sekolah berasrama di seluruh negeri Sarawak dan apakah dasar-dasar/langkah-langkah pemantauan untuk memastikan agar keadaan, keselesaan, pemakanan, kesihatan dan pembelajaran anak-anak di asrama dijaga dengan mutu yang tinggi.
45. PN-1142-L3085
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk memantapkan sektor penternakan tenusu negara dan pada waktu yang sama membantu membangunkan usahawan-usahawan kaum India yang terlibat dalam sektor ini memandangkan 90% daripada golongan yang terlibat dalam aktiviti ini adalah pengusaha-pengusaha India.
46. PN-1142-L3158
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kedudukan yang sebenar tentang budaya samseng di sekolah yang akhir-akhir ini semakin merebak dan adakah perkembangan ini memerlukan sebuah suruhanjaya baru untuk menyiasat dan mengemukakan pandangan-pandangan bagi mengatasinya.
47. PN-1142-L2967
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilangan Penduduk Tetap di Malaysia dari 2003 sehingga Mei 2007 dan pekerjaan asal mereka sehingga melayakkan mereka diberi status ini.

48. PN-1142-L3325
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada tuntutan Kongres Kesatuan Malaysia (MTUC) agar gaji RM900 ditetapkan akan dipersetujui oleh Kementerian.
49. PN-1142-L3570
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan permit kepada penghuni untuk menggalakkan mereka menanam sayur-sayuran di atas tanah lapang di sekitar kediaman mereka.
50. PN-1142-L3103
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengenai perkembangan industri ICT negara dan sejauh manakah kejayaan dengan pengambilan pakar daripada negara asing untuk menjadi penasihat ICT kepada syarikat GLC dapat menyumbang untuk memantapkan lagi sektor ICT negara.
51. PN-1142-L3498
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kecuaiannya pemandu tidak seharusnya dipersalahkan 100% dalam berlakunya kemalangan. Sebaliknya kontraktor yang dilantik Kerajaan juga perlu pertanggungjawabkan kerana tidak mengambil langkah-langkah yang sepatutnya dengan meletakkan tanda-tanda amaran ketika kerja-kerja penyelenggaraan sedang dijalankan. Ini sekaligus telah menyebabkan banyak kemalangan berlaku di kawasan tersebut. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan di dalam memastikan perkara ini tidak berulang.
52. PN-1142-L3424
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan koperasi-koperasi di seluruh negara aktif dalam membantu membangunkan negara.
53. PN-1142-L3439
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan semasa pembinaan hospital, sekolah dan bangunan-bangunan Kerajaan yang dibina oleh JKR untuk memastikan spesifikasinya memenuhi piawaian yang ditetapkan di dalam senarai kuantiti bahan (bills of quantities).
54. PN-1142-L3295
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan PTK yang dijalankan oleh JPA untuk mengukur prestasi kakitangan awam.

55. PN-1142-L3137
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk merangka suatu Pengurusan Strategik Risiko Banjir yang meluas dan berbentuk jangka panjang, sekaligus mengambil kira keperluan masyarakat setempat dan pengurusan alam sekitar yang memastikan pembangunan masyarakat yang 'sustainable'.
56. PN-1142-L3206
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemungkinan Kerajaan menetapkan pembayaran pencen minimum yang lumayan kepada para pesara perkhidmatan awam.
57. PN-1142-L3467
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan pendirian tentang program-program realiti televisyen yang tumbuh bagaikan cendawan sekarang ini di mana sesetengah program ini memberikan kebaikan dan dari sudut yang berbeza, pengusaha-pengusaha stesen televisyen ini berlumba-lumba untuk meraih keuntungan dari program sebegini. Adakah wajar program realiti di televisyen ini dihadkan.
58. PN-1142-L3306
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perbelanjaan bagi program PLKN sejak ianya dilancarkan. Adakah Kerajaan akan melaksanakan cadangan untuk mengasingkan pelatih PLKN lelaki dan wanita dan adakah ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan.
59. PN-1142-L3391
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memposisikan dan menjenamakan Malaysia selaku halal hab dunia dan bersaing dengan Singapura yang telah pun menempatkan ejen-ejen niaganya di luar negara bagi mencuri peluang perniagaan ini.
60. PN-1142-L3120
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilakah Dasar Amalan Perdagangan Adil (DAPA) akan dibentangkan untuk diguna pakai bagi membendung gejala kenaikan harga barangan pengguna secara mendadak, memandangkan akta sedia ada hanya merangkumi peringkat industri sahaja tanpa merangkumi peraturan kawalan ke atas peniaga runcit dan pengguna.
61. PN-1142-L3648
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang memperkenalkan Skim Amanah Saham ataupun 'Unit Trust' khusus kepada anggota perkhidmatan awam negara sepertimana Kerajaan memperkenalkan skim ASN, ASB dan sebagainya kepada umum.

62. PN-1142-L3663
Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapa ramaikah pengusaha-pengusaha ahli keluarga penanam tembakau di seluruh negara dan jumlah sumbangan mereka kepada KDNK negara serta kesan kepada mereka ini apabila Kerajaan telah mentakrifkan tembakau sebagai ancaman paling besar terhadap kesihatan awam. Nyatakan jumlah import tembakau dan nilai antara tahun 2001 hingga 2006 dari luar negara dan syarikat pengimportnya.
63. PN-1142-L3529
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tahap kemajuan yang telah dicapai dalam pembangunan industri herba negara setakat ini dan beri pecahan mengikut negeri.
64. PN-1142-L3521
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan betulkah terdapat penyalahgunaan kuasa dalam pemilihan Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang baru yang memberi keutamaan kepada mereka yang mempunyai pertalian keluarga dengan pegawai PTD tertentu hingga menyebabkan mereka yang lebih berkelayakan tidak terpilih.
65. PN-1142-L3268
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memastikan jumlah jenayah dapat dikurangkan malah dicegah di negeri Johor dan adakah amalan rasuah dan sikap acuh tak acuh pihak tertentu menjadi faktor penggalak kepada peningkatan kadar penjenayah.
66. PN-1142-L2963
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bilangan pelancong dari India yang melawat Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan jumlah kutipan yang diperolehi dari kumpulan ini dari Januari sehingga Mei 2007.
67. PN-1142-L3011
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kegagalan untuk mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan IPTA. Apakah usaha-usaha yang dibuat untuk mengatasi dan kesannya terhadap 'rating' IPTA di Malaysia.
68. PN-1142-L3281
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menaikkan semula imej dan prestasi Proton. Bagaimanakah struktur pemilikan Proton apabila selesai rundingan nanti dan apakah kesannya.

69. PN-1142-L3542
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah diambil bagi menentukan nisbah satu jurutera bertauliah untuk 40 penduduk (1 : 40) boleh tercapai seperti mana standard dunia.
70. PN-1142-L2979
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan 20 orang kenamaan atau pegawai yang berpangkat tinggi yang telah dihukum di mahkamah dalam 5 tahun ini kerana rasuah, sila sebutkan tahun hukuman dijatuhkan bagi setiap kes.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.15/2007) Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**
(18 Julai 2007)
[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

2. (D.R.21/2007) Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007
[Perdana Menteri] **Bacaan Kali Yang Kedua**

3. (D.R.36/2007) Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007
[Perdana Menteri] “

4. (D.R.34/2007) Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007
[Menteri Kewangan] “

5. (D.R.35/2007) Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007
[Menteri Kewangan] “

6. (D.R.31/2007) Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007.
[Menteri Kewangan] “

7. PN-1142-U3023
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan hendaklah menyediakan kajian yang lebih bersepadu untuk mengatasi secara menyeluruh masalah banjir di Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat yang berulang-ulang bukan sahaja mengganggu keselesaan hidup warga kota tetapi mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan di Malaysia. Satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menyelaras kajian tersebut."
(Menteri Wilayah Persekutuan)

8. PN-1142-U3024

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mestilah merombak kembali kaedah pemberian projek untuk kontraktor kelas F yang diamalkan di pejabat-pejabat JKR Daerah sekarang ini. Sistem undi adalah lebih sesuai digunakan untuk memilih kontraktor yang sudah di 'shortlisted'. Ini dapat mengujudkan ketelusan di kalangan para kontraktor yang disenaraikan tetapi sukar mendapat kerja kerana kaedah memilih di kalangan mereka yang tersenarai itu sering tidak konsisten dan berubah-ubah".

(Menteri Kerja Raya)

**RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.123	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	19 Julai 2007
ST.124	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	19 Julai 2007
ST.143	Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian 2007 -P.U.(A) 120 bertarikh 22 Mac 2007	19 Julai 2007
ST.144	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.9) -P.U.(A) 137 bertarikh 29 Mac 2007	19 Julai 2007
ST.145	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.10) -P.U.(A) 138 bertarikh 29 Mac 2007	19 Julai 2007
ST.146	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.11) -P.U.(A) 139 bertarikh 29 Mac 2007	19 Julai 2007
ST.147	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.12) -P.U.(A) 154 bertarikh 5 April 2007	19 Julai 2007
ST.148	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.13) -P.U.(A) 155 bertarikh 5 April 2007	19 Julai 2007
ST.149	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pengiklanan Barangan Jenama Malaysia) (Pindaan) 2007 -P.U.(A) 171 bertarikh 26 April 2007	19 Julai 2007

<u>TAHUN</u> <u>2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.150	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Elaun Di Bawah Skim Latihan Pasaran Modal Bagi Graduan) 2007 P.U.(A) 172 bertarikh 26 April 2007	19 Julai 2007
ST.151	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Republik Bolivarian Venezuela) 2007 -P.U.(A) 175 bertarikh 26 April 2007	19 Julai 2007
ST.152	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Pada Kos Terbitan Sekuriti Islam) 2007 -P.U.(A) 176 bertarikh 26 April 2007	19 Julai 2007
ST.153	Perintah Cukai Pendapatan (pengecualian) (No.14) -P.U.(A) 180 bertarikh 3 Mei 2007	19 Julai 2007
ST.154	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Arab Syria) 2007 -P.U.(A) 197 bertarikh 31 Mei 2007	19 Julai 2007
ST.155	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.15) P.U.(A) 199 bertarikh 31 Mei 2007	19 Julai 2007
ST.156	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2007 -P.U.(A) 116 bertarikh 15 Mac 2007	19 Julai 2007
ST.157	Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) (Pindaan) 2007 -P.U.(A) 127 bertarikh 22 Mac 2007	19 Julai 2007
ST.158	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Di Antara Kerajaan Negeri-Negeri Ahli Persatuan Negeri-Negeri Asia Tenggara dan Republik Korea) 2007 -P.U.(A) 209 bertarikh 31 Mei 2007	19 Julai 2007
CMD.8	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 2006	19 Julai 2007